

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2004/2005**

**Oktober 2004**

**HKN 202 – Kajian Teks Melayu Klasik**

**Masa : 3 jam**

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan.

1. "Teks Melayu klasik merupakan sumber utama rakaman sejarah dan corak pemikiran masyarakat Melayu masa silam." Bincangkan, sejauhmanakah benarnya pernyataan ini?
2. Maka tatkala dilihat oleh anjing pelanduk itu kembali pada tempatnya, maka didapatkannya pelanduk itu oleh anjing, lalu ia berdakap-dakapan kira-kira tujuh kali. Maka hairanlah baginda melihat hal kelakuan anjing dengan pelanduk itu.

(*Hikayat Raja Pasai*)

Bincangkan petikan di atas dalam hubungannya dengan kisah pembukaan dan kejatuhan kerajaan Pasai seperti diceritakan dalam *Hikayat Raja Pasai*.

3. Ketokohan Tun Perak selaku pembesar Melaka dalam *Sejarah Melayu* tergambar melalui sebuah wasiat yang disampaikannya kepada Sultan Mahmud Shah. Bincangkan.
4. Kekuatan *Misa Melayu* terletak kepada ketelitian pengarang dalam menggambarkan pelbagai upacara adat-istiadat istana Perak dengan gaya penceritaannya yang tersendiri. Huraikan.
5. Tetapi adalah isyarat melawan musuh itu seratus satu isyarat. Yang satu itulah yang berperang hingga tiada sayang akan nyawanya. Yang seratus itu ialah dengan kira bicaranya dan ikhtiar. Tiada juga binasa seteru itu maka sampailah kepada yang satu isyarat maka iaitu berperang hingga berbuang nyawa.

(*Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*)

Bincangkan maksud yang ingin disampaikan oleh pengarang melalui petikan di atas dan bagaimana maksud tersebut telah dimanfaatkan oleh Sultan Kedah dalam menghadapi ancaman serangan dari Aceh.

6. **SAMA ADA**

Adapun yang tiada dapat diampuni oleh segala hakim itu atas tiga perkara. Pertama dosa membunuh orang; kedua dosa mengambil isteri orang; ketiga orang yang maharajalela barang kelakuannya. Itulah yang tiada dapat segala menteri memaaafkan dia, melainkan raja juga yang dapat mengampuni dia. Adapun akan dosa yang lain daripada itu dapat menteri mengampuni dia segala manusia yang salah itu.

(*Undang-Undang Melaka*)

Bincangkan petikan di atas dalam konteks kekuasaan hakim (menteri) dan raja dalam memelihara keamanan di Melaka masa lalu.

**ATAU**

7. Menurut *Undang-Undang Melaka*, seorang pencuri hasil tanaman orang lain yang tertangkap pada waktu siang akan didenda dengan cara menggantungkan segala bahan curian di leher pencuri serta dibawa berkeliling kampung. Bincangkan secara kritis bentuk hukuman ini dan keberkesanannya dalam mengawal perbuatan curi.